

Parlimen: Malaysia Bimbang Wujud Elemen Ekstremisme Di Myanmar
Bernamea
9 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia bimbang akan wujud elemen ekstremisme di Myanmar jika penindasan dan penghapusan etnik minoriti Rohingya terus berlaku di wilayah bergolak Rakhine.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata dengan penindasan yang berterusan, etnik itu akan semakin tertekan, justeru bantuan dari negara seluruh dunia perlu disalur secara konsisten.

"Yang penting sekali keadaan di Rakhine itu stabil dan mereka menerima bantuan-bantuan yang sewajarnya, supaya mereka tidak akan diusir ataupun lari berhijrah ke negara-negara lain," katanya menjawab soalan tambahan Azmin Ali (PKR-Gombak) di Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Menjawab soalan asal Azmin, Anifah berkata Malaysia sebagai anggota Asean dan negara Islam, bertanggungjawab agar ketetapan yang diambil berhubung sesuatu perkara adalah adil dan saksama kepada negara berkenaan.

Malaysia juga pada Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah menyarankan agar bantuan diberi bukan sahaja untuk kaum Muslim tetapi kepada semua yang terlibat di wilayah Rakhine tanpa mengira agama.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700644>